

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam **1200, Khamis, 9 Mei 2024**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### BAGI PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN DAN PENDAPATAN E-DAGANG, SUKU TAHUN PERTAMA 2024

---

#### **Hasil Sektor Perkhidmatan Malaysia Meningkat 6.1 peratus kepada RM594.5 bilion pada Suku Tahun Pertama 2024**

**PUTRAJAYA, 9 MEI 2024** – Hasil sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 6.1 peratus tahun-ke-tahun pada suku tahun pertama 2024 untuk merekodkan sebanyak RM594.5 bilion. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran **Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan, Suku Pertama 2024**. Laporan ini memaparkan statistik sektor Perkhidmatan yang merangkumi subsektor Perdagangan Borong & Runcit; Maklumat & Komunikasi; Pengangkutan & Penyimpanan; Makanan & Minuman; Profesional; Kesihatan Swasta; Pendidikan Swasta; Penginapan; Kesenian, Hiburan & Rekreasi, Hartanah; Pentadbiran & Khidmat Sokongan; Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti dan Pendapatan e-Dagang.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Pertumbuhan sebanyak 6.1 peratus disumbangkan oleh prestasi yang menggalakkan bagi semua segmen di bawah sektor Perkhidmatan. Peningkatan ketara dicatatkan oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang meningkat RM23.3 bilion kepada RM451.6 bilion. Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (+RM5.2 bilion; 6.7%), segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan (+RM3.3 bilion; 9.5%) dan segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti (+RM2.4 bilion; 12.7%).”

Beralih kepada analisis perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, jumlah hasil merekodkan kenaikan 0.5 peratus berbanding suku tahun keempat 2023. Peningkatan ini didorong oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan yang meningkat 1.4 peratus (+RM1.1 bilion). Ini diikuti oleh segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan (+RM0.9 bilion; 2.3%), segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan (+RM0.7 bilion; 0.2%) dan segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti (+RM0.5 bilion; 2.3%).

Bagi pendapatan e-Dagang, Ketua Perangkawan berkata, "ia mencatatkan nilai sebanyak RM293.2 bilion iaitu bertumbuh 0.5 peratus tahun-ke-tahun pada suku tahun pertama 2024. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, pendapatan e-Dagang meningkat secara marginal sebanyak 0.5 peratus."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah "Jumlah pekerja dalam sektor ini adalah seramai 4.4 juta orang, meningkat 72.2 ribu orang atau 1.7 peratus tahun-ke-tahun. Kenaikan ini dipacu oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dengan peningkatan sebanyak 41.5 ribu orang atau 2.1 peratus, diikuti subsektor Pengangkutan & Penyimpanan (+14.6 ribu orang; 4.0%). Bagi suku tahun-ke-suku tahun, jumlah pekerja bertumbuh 0.1 peratus, meningkat 5.8 ribu orang."


Sementara itu, gaji dan upah yang dibayar mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.0 bilion atau 3.3 peratus tahun-ke-tahun. Kenaikan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dan Pengangkutan & Penyimpanan yang masing-masing bertambah sebanyak RM0.4 bilion (+2.8%) dan RM0.1 bilion (+5.3%). Bagi perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, gaji dan upah berkembang 0.8 peratus untuk mencatatkan RM32.3 bilion pada suku tahun pertama 2024.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


**Carta 1: Prestasi Sektor Perkhidmatan**




**Carta 2: Prestasi Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan**




**Carta 3: Prestasi Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan**




**Carta 4: Prestasi Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti**



**Carta 5: Prestasi Segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Sokongan**



**Carta 6: Pendapatan e-Dagang**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
9 Mei 2024**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, May 9, 2024**



**MEDIA STATEMENT**  
**FOR PERFORMANCE OF SERVICES SECTOR AND E-COMMERCE INCOME,**  
**FIRST QUARTER 2024**

---

***Malaysia's Services Sector Revenue Rose 6.1 per cent to RM594.5 billion  
in the First Quarter of 2024***

**PUTRAJAYA, MAY 9, 2024** – Services sector revenue registered a growth of 6.1 per cent year-on year in the first quarter of 2024 to record RM594.5 billion. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of ***The Quarterly Services Statistics, First Quarter 2024***. The report presents statistics on Services sector, which encompasses the sub-sectors of Wholesale & Retail Trade; Information & Communication; Transportation & Storage; Food & Beverages; Professional; Private Health; Private Education; Accommodation; Arts, Entertainment & Recreation; Real Estate; Administrative & Support Service; Personal Services & Other Activities, and Income of e-Commerce.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The growth of 6.1 per cent was contributed by favourable performance in all segments of the Services sector. The significance increase was recorded in Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment which rose RM23.3 billion to reach RM451.6 billion. This was followed by Information & Communication and Transportation & Storage segment (+RM5.2 billion; 6.7%), Professional, Real Estate and Administrative & Support Service segment (+RM3.3 billion; 9.5%), and Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services and Other Activities segment (+RM2.4 billion; 12.7%)."

*Looking at the analysis by quarter-on-quarter comparison, total revenue for Services sector posted an increase of 0.5 per cent as compared to the fourth quarter of 2023. The growth was propelled by Information & Communication and Transportation & Storage segment, which grew 1.4 per cent (+RM1.1 billion). This was followed by Professional, Real Estate and Administrative & Support Service segment (+RM0.9 billion; 2.3%), Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation segment (+RM0.7 billion; 0.2%), and Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services and Other Activities segment (+RM0.5 billion; 2.3%).*

*In terms of e-Commerce income, the Chief Statistician said, “it recorded RM293.2 billion, grew 0.5 per cent year-on-year in the first quarter of 2024. For quarter-on-quarter comparison, income of e-commerce increased marginally by 0.5 per cent.”*

*Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, “The number of persons engaged in this sector was 4.4 million persons, increased 72.2 thousand persons, or 1.7 per cent year-on-year. This was driven by Wholesale & Retail Trade sub-sector with an increase of 41.5 thousand persons, or 2.1 per cent, followed by the Transportation & Storage sub-sector (+14.6 thousand persons; 4.0%). For quarter-on-quarter, the number of persons engaged grew by 0.1 per cent, which amounted to 5.8 thousand persons.”*


*Meanwhile, salaries and wages paid registered an increase of RM1.0 billion, or 3.3 per cent year-on-year. The increment was attributed to Wholesale & Retail Trade and Transportation & Storage sub-sectors which rose RM0.4 billion (+2.8%) and RM0.1 billion (+5.3%), respectively. For quarter-on-quarter comparison, salaries and wages grew 0.8 per cent to register RM32.3 billion in the first quarter of 2024.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*


DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.


**Chart 1: Performance of Services Sector**




**Chart 2: Performance of Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation Segment**




**Chart 3: Performance of Information & Communication and Transportation & Storage Segment**




**Chart 4: Performance of Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services and Other Activities Segment**



**Chart 5: Performance of Professional, Real Estate and Administrative & Support Service Segment**



**Chart 6: e-Commerce income**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
9 MAY 2024**